

# TATAKELAKUAN UNTUK RAKAN NIAGA voestalpine

---

## 1. MUKADIMAH

Daripada aktiviti syarikat di seluruh dunia, timbul juga tanggungjawab untuk memberi perhatian khusus kepada peraturan asas kewujudan bersama manusia. Oleh itu, pematuhan undang-undang dan peraturan yang berkenaan, khususnya penghormatan hak semua manusia membentuk prinsip asas tindakan semua syarikat voestalpine. Namun begitu, kami bukan hanya meminta perkara ini daripada kami sendiri, tetapi juga daripada pembekal barang dan perkhidmatan kami, serta pengantara perniagaan kami, perunding dan rakan niaga lain (selepas ini dipanggil "rakan niaga").

Tatakelakuan ini menentukan prinsip dan keperluan voestalpine untuk rakan niaga voestalpine. Tatakelakuan ini bertujuan untuk memastikan bahawa amalan perniagaan rakan niaga sejajar dengan nilai voestalpine serta undang-undang dan peraturan yang berkenaan.

Prinsip dan keperluan adalah berdasarkan Dasar Hak Asasi Manusia dan Tatakelakuan voestalpine, serta Prinsip Panduan UN mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia, Prinsip UN Global Compact, Rang Undang-undang Hak Asasi Manusia Antarabangsa dan Konvensyen Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu menentang Rasuah.

## 2. PEMATUHAN & TADBIR URUS KORPORAT YANG BERTANGGUNGJAWAB<sup>1</sup>

### **Pematuhan undang-undang**

Rakan niaga berjanji untuk mematuhi semua undang-undang tempatan dan peraturan antarabangsa yang berkenaan.

### **Larangan rasuah aktif dan pasif/Larangan pemberian manfaat (cth. hadiah) kepada pekerja**

Rakan niaga berjanji untuk tidak bertoleransi dengan apa-apa jenis rasuah aktif (penawaran dan pemberian manfaat; sogokan) atau rasuah pasif (permintaan dan penerimaan manfaat) atau terlibat dengan rasuah dalam apa-apa cara sekalipun.

Rakan niaga berjanji untuk tidak menawarkan apa-apa hadiah atau manfaat peribadi lain (cth. jemputan) kepada pekerja atau ahli keluarga terdekat pekerja voestalpine, jika nilai keseluruhan dan keadaan tertentu memberikan tanggapan bahawa penerima manfaat tersebut dijangka untuk bertindak mengikut cara tertentu sebagai balasan. Sama ada keadaan ini berlaku atau tidak, bergantung pada keadaan tertentu setiap kes.

Hadiyah yang bernilai rendah dan layanan baik dalam skop amalan perniagaan biasa adalah dibenarkan.

Rakan niaga berjanji lagi untuk menawarkan barang atau perkhidmatan kepada pekerja voestalpine yang membeli barang atau perkhidmatan tersebut untuk kegunaan peribadi pada harga pasaran dan untuk memberikan diskaun atau potongan harga lain hanya jika perkara ini diberikan kepada semua pekerja voestalpine.

#### **Pengubahan wang haram**

Rakan niaga berjanji untuk mematuhi peruntukan undang-undang yang berkenaan untuk mengelakkan pengubahan wang haram dan untuk tidak terlibat dalam aktiviti pengubahan wang haram.

#### **Persaingan adil**

Rakan niaga berjanji untuk tidak menyekat persaingan bebas dan untuk tidak melanggar peraturan antipakat tempatan atau antarabangsa.

Khususnya dalam konteks ini, rakan niaga berjanji untuk tidak mencapai apa-apa persetujuan berkenaan dengan hal perniagaan yang menentukan atau mempengaruhi tingkah laku persaingan syarikat (cth. penetapan harga atau pengagihan pasaran atau pelanggan), serta tidak menukar maklumat sulit voestalpine, seperti harga, syarat jualan, kos, penggunaan kapasiti, inventori dll., walaupun secara sebelah pihak.

#### **Perlindungan maklumat, harta intelektual dan data**

Rakan niaga berjanji untuk melindungi semua maklumat milik voestalpine dan semua harta intelektual voestalpine dengan sewajarnya. Khususnya, rakan niaga perlu memastikan bahawa maklumat sulit voestalpine dirahsiakan.

Selain itu, rakan niaga perlu mematuhi semua peruntukan undang-undang yang berkenaan untuk melindungi harta intelektual (cth. paten, jenama dan hak cipta) dan khususnya menghormati harta intelektual pihak ketiga dan mengelakkan pelanggaran hak perlindungan (cth. melalui penciplakan).

Mana-mana pemrosesan data peribadi pekerja, pelanggan dan rakan niaga voestalpine (cth. pengumpulan, penggunaan dan penyimpanan) mestilah dijalankan mengikut undang-undang perlindungan data yang berkenaan.

#### **Kawalan perdagangan dan sanksi**

Rakan niaga perlu memastikan pematuhan setiap peraturan berkaitan dengan kawalan perdagangan dan peruntukan sanksi di semua negara yang rakan niaga beroperasi.

### **3. TANGGUNGJAWAB SOSIAL<sup>2</sup>**

#### **Penghormatan hak asasi manusia & keadaan kerja**

Rakan niaga berjanji untuk menghormati dan mematuhi hak asasi manusia sebagai nilai asas berdasarkan Rang Undang-undang Hak Asasi Manusia Antarabangsa, Prinsip Panduan UN mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia, serta Prinsip UN Global Compact.

#### **Larangan buruh kanak-kanak**

Rakan niaga sekali-kali tidak patut bertoleransi dengan buruh kanak-kanak dalam operasi sendiri dan dalam operasi pembekal langsung dalam apa jua keadaan dan sekurang-kurangnya mematuhi Konvensyen No. 138 Pertubuhan Buruh Antarabangsa ("ILO") bertarikh 26 Jun 1973 berkenaan dengan umur bekerja minimum dan Konvensyen ILO No. 182 bertarikh 17 Jun 1999 berkenaan dengan larangan dan tindakan segera untuk menyingkirkan bentuk buruh kanak-kanak yang paling teruk. Selain larangan buruh kanak-kanak, perlu dipastikan bahawa pekerjaan pekerja muda tidak membahayakan kesihatan, keselamatan dan pembangunan mereka.

#### **Larangan buruh paksa dan wajib, pemerdagangan manusia dan perhambaan moden**

Rakan niaga berjanji untuk mematuhi Konvensyen ILO No. 29 bertarikh 28 Jun 1930 berkenaan dengan buruh paksa atau wajib, termasuk protokol bertarikh 11 Jun 2014, serta Konvensyen ILO No. 105 bertarikh 25 Jun 1957 berkenaan dengan penghapusan buruh paksa dan mengelakkan semua bentuk buruh paksa atau wajib, pemerdagangan manusia dan perhambaan moden dalam operasi perniagaan sendiri dan dalam operasi perniagaan pembekal langsung. Buruh paksa dan wajib merujuk khususnya pada semua kerja atau perkhidmatan yang dipaksa oleh orang dengan ancaman hukuman dan termasuk penahanan kad pengenalan dan pasport, sekatan pergerakan dan ikatan hutang.

#### **Tawar-menawar kolektif dan hak kebebasan berpersatuan**

Rakan niaga perlu menghormati hak pekerja untuk menyertai kesatuan sekerja. Selain itu, rakan niaga berjanji untuk menghormati dan menggalakkan hak pekerja terhadap tawar-menawar kolektif dan kebebasan berpersatuan mengikut Konvensyen ILO No. 87 bertarikh 9 Julai 1948 berkenaan dengan kebebasan berpersatuan dan perlindungan hak berpersatuan dan No. 98 bertarikh 1 Julai 1949 berkenaan dengan penggunaan prinsip hak berpersatuan dan hak untuk tawar-menawar kolektif.

#### **Kepelbagaian, peluang sama dan larangan diskriminasi**

Rakan niaga berjanji untuk mengelakkan diskriminasi atau gangguan secara berkesan atas dasar jantina, status perkahwinan atau keibubapaan, asal etnik atau kewarganegaraan, umur, kelainan upaya, orientasi seksual, agama atau sifat peribadi yang lain. Berkenaan dengan gaji, prinsip gaji sama untuk kerja yang sama nilai tanpa mengira perbezaan jantina harus dipatuhi secara khusus. Untuk itu, rakan niaga perlu mematuhi prinsip Konvensyen ILO No. 100 bertarikh 29 Jun 1951 berkenaan dengan persamaan gaji tenaga kerja lelaki dan wanita untuk kerja yang sama nilai dan No. 111 bertarikh 25 Jun 1958 berkenaan dengan diskriminasi dalam pekerjaan, serta konvensyen untuk menyingkirkan semua bentuk diskriminasi terhadap kaum wanita.

### **Gaji dan waktu kerja**

Gaji pekerja mestilah mengikut undang-undang dan peraturan tawar-menawar kolektif dan mencukupi untuk menampung keperluan asas pekerja dan keluarga pekerja, serta membolehkan mereka mempunyai standard kehidupan yang wajar.

Rakan niaga perlu memastikan untuk menetapkan garis panduan yang jelas untuk waktu kerja pekerja. Peraturan waktu kerja mestilah mengikut peruntukan undang-undang dan antara lain, mengatasi kelebihan berlebihan dari segi fizikal dan mental pekerja.

### **Kesihatan dan keselamatan di tempat kerja**

voestalpine memerlukan semua rakan niaga menyediakan keadaan kerja yang selamat dan sihat untuk semua pekerja yang bekerja untuk rakan niaga atau bekerja di bawah penyeliaan rakan niaga. Perkara ini termasuklah peruntukan kelengkapan perlindungan diri. Dalam mana-mana kes, rakan niaga harus mematuhi kewajipan keselamatan pekerjaan yang berkenaan mengikut undang-undang tempat kerja. Selain itu, voestalpine mengesyorkan pelaksanaan sistem pengurusan keselamatan pekerjaan seperti ISO 45001 atau OHSAS 18001, melainkan terdapat kewajipan undang-undang untuk berbuat demikian.

### **Kakitangan keselamatan**

Rakan niaga yang menyediakan kakitangan keselamatan swasta atau awam untuk melindungi operasi voestalpine, mesti memastikan bahawa hak semua orang yang terlibat dilindungi semasa menyediakan perkhidmatan.

Rakan niaga yang juga menggunakan kakitangan keselamatan swasta atau awam untuk melindungi operasi syarikat sendiri, mesti memastikan bahawa kakitangan keselamatan melindungi hak asasi manusia.

### **Masyarakat setempat dan orang asli**

voestalpine mengharapkan semua rakan niaga menyokong masyarakat setempat dan orang asli di sekitar syarikat rakan niaga. Khususnya untuk mengelakkan kesan negatif aktiviti syarikat rakan niaga terhadap kesihatan, keselamatan dan punca pendapatan masyarakat setempat dan orang asli. Dalam hal ini, rakan niaga juga berjanji untuk menghormati larangan pengusiran paksa yang menyalahi undang-undang, dan apabila memperoleh, membangunkan atau menggunakan dengan cara lain tanah, hutan atau air, untuk tidak menyumbang dengan cara yang menyalahi undang-undang kepada penafian tanah, hutan atau air masyarakat setempat dan orang asli tersebut yang punca pendapatan mereka dilindungi.

## 4. ALAM SEKITAR & PERLINDUNGAN IKLIM<sup>3</sup>

Rakan niaga berjanji untuk mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang berkenaan, serta piawaian perlindungan alam sekitar yang diiktiraf di peringkat antarabangsa. Khususnya, rakan niaga perlu memenuhi keperluan Konvensyen Antarabangsa Minamata (merkuri), Stockholm (pencemar organik berterusan) dan Basel (sisa berbahaya).

Selain itu, rakan niaga berjanji untuk mengelakkan apa-apa risiko terhadap manusia dan alam sekitar, mengurangkan kesan terhadap alam sekitar dan berjimat menggunakan sumber.

voestalpine mengesyorkan pelaksanaan sistem pengurusan alam sekitar seperti ISO 14001 atau EMAS.

### **Jejak CO<sub>2</sub>**

voestalpine komited terhadap matlamat Perjanjian Iklim Paris, menambah baik jejak CO<sub>2</sub> voestalpine dengan komitmen terhadap penghasilan karbon rendah serta penyelidikan dan pembangunan meluas teknologi baharu dan bermatlamat ke arah keneutralan iklim dalam jangka masa panjang.

Walau bagaimanapun, bukan sahaja kami, malah rakan niaga juga mempengaruhi jejak CO<sub>2</sub> produk kami. Oleh itu, rakan niaga voestalpine berjanji untuk membangunkan matlamat pengurangan pelepasan CO<sub>2</sub> dalam bahagian perniagaan sendiri dan sepanjang rantai bekalan (skop 1, 2 dan 3 Greenhouse Gas Protocol) dan mengambil tindakan yang sesuai untuk berusaha ke arah pencapaian matlamat Perjanjian Iklim Paris.

Rakan niaga perlu memberi voestalpine maklumat berkaitan dengan pelepasan CO<sub>2</sub> sendiri dan pelepasan CO<sub>2</sub> bagi aktiviti huluan. Matlamat pengurangan yang ditetapkan perlu disahkan sendiri oleh rakan niaga menggunakan kaedah saintifik (cth. dalam rangka "Science Based Targets initiative").

## 5. PENGURUSAN RANTAIAN BEKALAN

voestalpine memerlukan semua rakan niaga mengambil langkah yang sesuai dan wajar untuk mengenal pasti kesan negatif terhadap hak asasi manusia atau alam sekitar yang wujud sepanjang seluruh rantai bekalan, serta menyingkirkan kesan negatif sedemikian atau jika perkara ini tidak dapat dilakukan dengan segera, untuk mengurangkan tahap kesan ini.

Selain itu, rakan niaga berjanji untuk berkongsi kandungan "Tatakelakuan untuk rakan niaga voestalpine" ini, khususnya kandungan nombor 3 ("Tanggungjawab sosial") dan nombor 4 ("Alam sekitar & perlindungan iklim") dengan pembekal dan subkontraktorsyarikat sendiri, komited terhadap kandungan ini dengan sewajarnya dan menyemak pematuhan kandungan ini dalam rantai bekalan.

Untuk memudahkan komitmen yang dinyatakan di atas, voestalpine mengesyorkan pelaksanaan sistem pengurusan risiko untuk rantai bekalan dan/atau pemerolehan sijil mengikut inisiatif yang diperakui, contohnya untuk RMI (Responsible Mining Index), ResponsibleSteel atau IRMA (Initiative for Responsible Mining Assurance) bahan mentah.

#### **Mineral mentah dan sumber**

Rakan niaga berjanji untuk mematuhi semua undang-undang dan peraturan berkenaan yang berkaitan dengan mineral konflik (timah, tantalum, tungsten dan emas) dan memberikan maklumat tentang asal dan rantaian bekalan mineral konflik.

## **6. PELAPORAN SALAH LAKU<sup>4</sup>**

voestalpine telah menyediakan sistem tukang adu berdasarkan web di <https://www.bkms-system.net/voestalpine> yang boleh digunakan oleh pekerja dan juga tukang adu luar. Melainkan kewajipan undang-undang sepadan sudah wujud, voestalpine mengesyorkan agar rakan niaga menyediakan sistem serupa supaya pelanggaran yang berkaitan dengan topik yang dinyatakan di atas boleh dilaporkan secara terbuka atau juga secara tanpa nama.

Selain itu, rakan niaga berjanji untuk memaklumkan tentang kemungkinan pelaporan melalui sistem pemberi maklumat voestalpine kepada pekerja syarikat sendiri dan pembekal langsung.

## **7. KERJASAMA DAN PENGLIBATAN<sup>5</sup>**

voestalpine berhak untuk memeriksa atau mengaudit proses yang diwujudkan oleh rakan niaga untuk mematuhi prinsip dan keperluan tatakelakuan ini, termasuk langkah usaha wajar yang diambil berkenaan dengan hak asasi manusia dan perlindungan alam sekitar, serta pelaksanaan tepat pada masanya mana-mana pelan tindakan pembetulan, atau membenarkan pihak ketiga yang dilantik oleh voestalpine membuat pemeriksaan atau audit tersebut. Rakan niaga harus menyediakan semua maklumat atau dokumen yang diminta untuk pemeriksaan kepada voestalpine atau pihak ketiga yang dilantik oleh voestalpine dan memberi mereka peluang untuk berbincang atau menemu duga pengarah, pengurus dan pekerja setakat yang sewajarnya diperlukan untuk tujuan ini.

voestalpine juga berhak untuk mengambil langkah yang sesuai jika terdapat pelanggaran, yang akhirnya boleh mengakibatkan penggantungan atau penamatkan hubungan bekalan.

Selain itu, atas permintaan voestalpine, rakan niaga berjanji untuk menyertai latihan yang berkenaan dengan prinsip dan keperluan yang ditetapkan dalam tatakelakuan ini dan mengesahkan penyertaan mereka secara bertulis.

---

<sup>1</sup> Kata kunci: Keundangan, rasuah, penerimaan hadiah, sogokan, pematuhan, pengubahan wang haram, undang-undang antipakat, perlindungan data, Peraturan Perlindungan Data Umum (GDPR), kerahsiaan, kawalan eksport

<sup>2</sup> Kata kunci: Kebebasan berpersatuan, kebebasan untuk membentuk gabungan, hak wanita, hak kanak-kanak, golongan minoriti, waktu kerja maksimum, Health & Safety, kesihatan, perlindungan kesihatan, Private or Public Security Forces, larangan penyeksaan, nyawa, hak hutan, hak air, hak tanah

<sup>3</sup> Kata kunci: Perlindungan iklim, kecekapan tenaga

<sup>4</sup> Kata kunci: Tukang adu

<sup>5</sup> Kata kunci: Akta tentang Usaha Wajar Korporat, LkSG

**voestalpine AG**  
voestalpine-Strasse 1  
4020 Linz, Austria  
T. +43/50304/15-0  
F. +43/50304/55-0  
[www.voestalpine.com](http://www.voestalpine.com)

**voestalpine**  
ONE STEP AHEAD.